



KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN GURU-GURU DINI DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT



FATHIYAH BINTI BURHANUDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





**KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENGAJARAN
GURU-GURU DINI DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT**

FATHIYAH BINTI BURHANUDIN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي تعليم سلطان ايدريس


Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

12 Mac 2024

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Fathiyah binti Burhanudin, M20192001289, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Guru-Guru Dini di Sekolah Agama Rakyat

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujalnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Norhisham bin Muhammad (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Guru-Guru Dini di Sekolah Agama Rakyat

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الإسلامية
بدراساتINSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)
DALAM PENGAJARAN GURU DINI DI SEKOLAH
AGAMA RAKYAT

No. Matrik /Matric's No.:

M20192001289

Saya / I:

FATHIYAH BINTI BURHANUDINI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 21.6.2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD

Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nota: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, akhirnya saya berjaya menyiapkan dan melengkapkan penulisan tesis ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Norhisham bin Muhamad di atas komitmen beliau dalam memberi tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan motivasi kepada saya sepanjang pengajian saya dalam sarjana ini khususnya dalam menyiapkan penulisan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti pengajian sarjana ini. Tidak lupa juga kepada semua warga Fakulti Sains Kemanusiaan dan kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mudah menghulurkan bantuan ketika diperlukan semasa proses menyiapkan tesis ini.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Bahagian Pendidikan, pengetua-pengetua Sekolah Agama Rakyat Negeri kedah serta guru-guru dini di Sekolah Agama Rakyat Negeri Kedah yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga jasa baik kalian diberi balasan sebaik-baik ganjaran oleh Allah SWT.

Akhir sekali, ucapan terima kasih buat suami tercinta, Muhammad Qayyum Asyraf bin Muhammad Hammal yang telah banyak bersabar dan membantu saya sepanjang pengajian ini. Tidak lupa juga kepada ibu bapa tersayang, Burhanudin bin Majid dan Asiah binti Othman yang sentiasa memberi saya dorongan dan semangat serta doa yang tidak pernah putus untuk saya menyelesaikan pengajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap kesediaan dan pelaksanaan guru Dini menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru dini untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran. Kajian ini juga turut melihat sejauh mana perbezaan yang berlaku terhadap tahap kesediaan guru Dini berdasarkan demografi. Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 85 orang guru Dini Sekolah Agama Rakyat sekitar negeri Kedah. Instrumen soal selidik digunakan bagi mengumpul data kajian. Data dianalisis menggunakan aplikasi SPSS secara deskriptif dan inferens (menggunakan ujian-t dan ANOVA. Hasil kajian mendapati aspek kesediaan guru Dini dan tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Dini berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min masing-masing $\bar{x} = 3.891$ (sisihan piawai = 0.603) dan $\bar{x} = 3.892$ (sisihan piawai = 0.578). Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap kesediaan guru Dini dalam pengajaran KBAT berdasarkan jantina ($t = 0.558$, $p = 0.578$). Ujian ANOVA sehalu menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan guru Dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berdasarkan pengalaman mengajar ($F = 0.821$, $p = 0.444$) dan tahap pendidikan ($F = 0.929$, $p = 0.399$). Kesimpulannya, kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran KBAT perlu ditingkatkan lagi agar pelaksanaan KBAT berlaku dengan berkesan. Implikasi kajian ini diharap dapat memberi pengetahuan kepada pengurusan Sekolah-sekolah Agama Rakyat untuk mengatasi cabaran dalam melaksanakan pengajaran KBAT dan guru-guru Dini dapat meningkatkan lagi kesediaan dalam melaksanakan pengajaran berasaskan KBAT.

HIGHER-ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN TEACHING OF ISLAMIC STUDIES TEACHERS AT THE PUBLIC RELIGIOUS SCHOOL

ABSTRACT

The purpose of this study is to assess the extent of readiness and implementation of Higher-Order Thinking Skills (HOTS) by the Islamic Studies Teachers in public religious schools, as well as identifying the challenges faced by these teachers in implementing HOTS in their teaching. The study also identifies any differences in the readiness of Islamic Studies teachers based on the demographics factors. This quantitative study involved a total of 85 Islamic Studies Teachers in public religious schools in the state of Kedah. Questionnaires were used as the research instrument to collect the data. The data were analyzed using SPSS software descriptively and inferentially (using t-test and ANOVA). The results show that the readiness and the implementation of HOTS among Islamic Studies Teachers were at moderately high level, with the mean values 3.891 (standard deviation= 0.603) and 3.892 (standard deviation= 0.578) respectively. The t-test results show no significant difference in the mean score of readiness of the Islamic Studies Teachers in applying HOTS based on gender ($t = 0.558$, $p = 0.578$). A one-way ANOVA test shows no significant difference in the readiness of the Islamic Studies Teachers in teaching Higher-Order Thinking Skills based on teaching experience ($F = 0.821$, $p = 0.444$) and education level ($F = 0.929$, $p = 0.399$). In conclusion, the readiness of teachers in implementing HOTS, needs to be further improved so that the implementation of HOTS can be more effective. The implications of this study are expected to provide knowledge to the management of public religious schools to overcome challenges in implementing HOTS and Islamic Studies Teachers can enhance their readiness in teaching based on high-order thinking skills.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9 Kepentingan Kajian	15



1.10 Batasan Kajian	16
1.11 Definisi Operasi Kajian	17
1.12 Penutup	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	20
2.2 Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	21
2.2.1 Pengertian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	21
2.2.2 Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	22
2.2.3 Kemahiran Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran	23
2.3 Teori Berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	28
2.3.1 Teori Kognitif	28
2.3.2 Teori Metakognitif	30
2.3.3 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	31
2.3.4 Teori Taksonomi Bloom	34
2.4 Kemahiran Berfikir Menurut Islam	37
2.4.1 Konsep Berfikir Menurut Ibnu Khaldun	47
2.4.2 Konsep Berfikir Menurut Imam al-Ghazali	48
2.5 Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	53
2.5.1 Aspek Kesediaan	55
2.5.2 Aspek Pelaksanaan	57
2.5.3 Aspek Cabaran	58
2.6 Kurikulum Bersepadu Dini	59

2.6.1	Kepentingan Kurikulum Bersepadu Dini	60
2.7	Sorotan Kajian Lepas	62
2.8	Penutup	65
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Kaedah Kajian	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.3	Kaedah Kajian	68
3.4	Lokasi Kajian	68
3.5	Populasi dan Persampelan Kajian	69
3.6	Instrumen Kajian	71
3.7	Kajian Rintis	73
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	74
3.9	Prosedur Pemerolehan Data	76
3.10	Tatacara Analisis Data	78
3.10.1	Analisis Deskriptif	78
3.10.2	Analisis Inferensi	79
3.11	Penutup	80
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	81
4.2	Profil Responden Kajian	82
4.2.1	Profil Responden Kajian Berdasarkan Jantina	83
4.2.2	Profil Responden Kajian Berdasarkan Pengalaman Mengajar	84
4.2.3	Profil Responden Kajian Berdasarkan Tahap Pendidikan	85

4.3 Analisis Deskriptif	85
4.3.1 Aspek Kesediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	86
4.3.2 Aspek Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	93
4.3.3 Aspek Cabaran Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	100
4.4 Analisis Inferensi	107
4.4.1 Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Jantina	108
4.4.2 Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	109
4.4.3 Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Tahap Pendidikan	110
4.5 Rumusan	112

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	113
5.2 Ringkasan Kajian	114
5.2.1 Ringkasan Dapatan Kajian	117
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	118
5.3.1 Demografi	118
5.3.2 Kesediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	118
5.3.3 Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Guru Dini	119
5.3.4 Cabaran Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	120

5.4 Rumusan Dapatan Kajian	121
5.5 Implikasi Dapatan Kajian	122
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	124
5.6.1 Cadangan Kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (Bahagian Pendidikan)	125
5.6.2 Cadangan Kepada Pihak Pentadbiran Sekolah Agama Rakyat	126
5.6.3 Cadangan Kajian Lanjutan	127
5.7 Penutup	127
RUJUKAN	128

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	68
3.2	Konstruk Soal Selidik	72
3.3	Skala Likert	72
3.4	Nilai Alpha Cronbach	76
3.5	Nilai Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk.	76
3.6	Jadual Interpretasi Skor Min	80
4.1	Profil Latar Belakang Responden Kajian	83
4.2	Persediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	88
4.3	Persediaan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	94
4.4	Cabaran Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	102
4.5	Ujian-T: Perbezaan Tahap Kesiediaan Guru Dini Dalam Pengajaran KBAT Berdasarkan Jantina	109
4.6	Keputusan Ujian-T: Perbezaan Tahap Kesiediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Pengalaman Mengajar	110
4.7	Keputusan Ujian-T: Perbezaan Tahap Kesiediaan Guru Dini Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Berdasarkan Tahap Pendidikan	112





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	13
2.1	Aras Teori Taksonomi Bloom 1989	34
2.2	Aras Teori Taksonomi Bloom Yang Disemak Semula Oleh Loren Anderson Dan Krathwohl (2001)	35
2.3	Peringkat Berfikir Menurut Ibnu Khaldun	48
2.4	Model Konseptual Pendidikan Menurut Imam Ghazali	49
2.5	Peringkat Berfikir Menurut Ibnu Khaldun	52
4.1	Graf Profil Responden Berdasarkan Jantina	84
4.2	Profil Responden Kajian Berdasarkan Pengalaman Mengajar	85
4.3	Carta Profil Responden Kajian Berdasarkan Tahap Pendidikan	86





SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
Bil.	Bilangan
BPK	Bahagian pembangunan kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPM	Falsafah Pendidikan Malaysia
GCPI	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LEPAI	Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SMAR	Sekolah Menengah Agama Rakyat





SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Status Murid
- B Pengesahan Murid Untuk Membuat Penyelidikan
- C Keputusan Permohonan Etika Penyelidikan (Manusia)
- D Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Di Sekolah Agama Rakyat Dalam Negeri Kedah
- E Senarai Pakar Pengesahan Instrumen Kajian



BAB 1

PENGENALAN

Bab ini merupakan bab pengenalan yang mengandungi latar belakang kajian yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Dalam bab ini juga, terdapat pernyataan masalah berkaitan perkara yang ingin dikaji. Pengkaji turut memasukkan objektif kajian yang timbul daripada jurang penyelidikan yang terdapat dalam isu dan permasalahan tersebut. Selain itu, dalam bab ini juga terdapat persoalan kajian dan hipotesis kajian. Seterusnya dalam bab ini juga terdapat kepentingan kajian kepada beberapa kumpulan mengenai kajian ini dan pengkaji telah meletakkan skop kajian ini. Pengkaji turut membuat kerangka model dan kerangka konseptual kajian untuk menunjukkan gambaran yang jelas mengenai pemboleh ubah yang akan dikaji. Di samping itu, pengkaji memasukkan beberapa definisi operasi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji mengakhiri bab ini dengan penutup.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran dini telah berlaku sejak sekian lama, bahkan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. Akan tetapi, apabila masa berlalu dengan keadaan yang semakin berkembang maju, kaedah pengajaran juga telah dipelbagaikan agar selari dengan transformasi semasa. Oleh itu, dalam usaha melahirkan individu yang berintegriti dan cemerlang di persada global, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025. Dalam PPPM 2013-2025, KPM telah menetapkan enam ciri utama yang perlu dimiliki oleh setiap murid untuk memenuhi permintaan arena global. Antara salah satu ciri ialah murid perlu memiliki kemahiran berfikir (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Kemahiran berfikir sebenarnya bukan asing lagi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Sebenarnya, dari zaman awal Pendidikan Islam diperkenalkan, kemahiran berfikir ini sudah wujud. Akan tetapi, pelaksanaannya dalam PdP di sekolah-sekolah Malaysia kurang dilaksanakan dan kurang berkesan. Dalam Islam sendiri menggalakkan supaya umatnya berfikir aras tinggi dan secara mendalam. Dalam al-Quran, konsep *يَعْلَمُونَ* iaitu berfikir, konsep *يَتَفَكَّرُونَ* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *يُحْكِمُونَ* yang membawa maksud berfikir untuk menemukan kebenaran tentang Pencipta telah pun disebut secara berulang-ulang kali (Sidek Baba, 2006).

Oleh itu, dalam melahirkan murid-murid yang memiliki kemahiran berfikir, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdP. Namun begitu, pencapaian ujian Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) pada 2009 dan 2012 mendedahkan bahawa kemahiran



berfikir rakyat Malaysia masih kurang berkembang dengan ketara. Menurut laporan daripada Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan (OECD) pada 2012, daripada 74 buah negara yang mengambil bahagian, negara Malaysia berada pada tempat satu pertiga terendah di dunia. Daripada keputusan ujian PISA ini dapat disimpulkan murid Malaysia berada pada tahap yang rendah dalam domain mengaplikasi dan menaakul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Hal ini kerana, pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam PdP masih belum dilaksana dengan sempurna. Sukiman et al. (2012) menyatakan bahawa guru sering melakukan teknik penyoalan dalam PdP, tetapi soalan-soalan tersebut hanya pada aras rendah sahaja. Pelaksanaan teknik penyoalan sangat bagus akan tetapi jika ia hanya dilakukan pada aras rendah sahaja akan menghalang keupayaan murid untuk berfikir secara lebih kritis (King, 1994). Hal ini bertepatan dengan kajian Kassim dan Zakaria (2014) bahawa guru sendiri masih belum menguasai untuk menggunakan teknik penyoalan aras tinggi yang menjadi punca guru menggunakan soalan tahap rendah kepada murid.

Dalam pengajaran dini, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sangat penting untuk dilaksanakan dalam PdPc. Hal ini kerana, dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan kefahaman yang mendalam supaya murid-murid dapat mengaplikasikan dalam kehidupan dengan betul. Jadi melalui amalan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), guru dapat mengemukakan soalan-soalan aras tinggi yang memerlukan murid-murid berfikir secara kritis. Ini juga sebenarnya dapat membantu murid untuk menguasai kandungan pengajaran dengan lebih mendalam dalam mata pelajaran dini.



Oleh yang demikian, pengkaji merasakan bahawa kajian ini perlu diteruskan agar dapat membantu guru-guru untuk meningkatkan lagi kompetensi guru dalam pengajaran berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian ini diharapkan dapat memperbaiki kelemahan guru-guru dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sama ada dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan pelaksanaan. Sekiranya guru memahami konsep dan elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) akan dapat dilakukan dengan lebih efektif dan seterusnya membuatkan murid untuk lebih berfikiran luas dalam mata pelajaran-mata pelajaran dini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia mula memperkenalkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di Malaysia pada tahun 2013. Namun, pengkaji merasakan guru-guru dini kurang mengaplikasi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Hal ini kerana guru masih belum bersedia untuk menjalankan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini daripada awal proses pengajaran dan pembelajaran (Nurliyana Abd Halim, 2015). Nooriza Kassim dan Effandi Zakaria (2014) dalam kajian mereka mendapati bahawa masih terdapat guru yang tidak bersedia. Hal ini dinyatakan oleh responden melalui kaedah tembual bahawa hanya 50% guru yang menggunakan kaedah pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi. Selain itu, terdapat juga responden dalam kajian Nooriza Kassim dan Effandi Zakaria (2014) menyatakan bahawa mereka kurang bersedia untuk mengaplikasikan kemahiran



berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pemudahcaraan kerana murid-murid mereka berada pada tahap rendah dan sederhana.

Antara punca ketidaksediaan guru dini dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ialah kerana kebanyakan guru dini di Sekolah Agama Rakyat tidak disediakan kursus mengendalikan kaedah pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berterusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi 2010). Sumber kewangan juga menjadi salah satu punca Sekolah Agama Rakyat tidak mampu melaksanakan kursus yang kerap kepada guru-guru mereka (Haron Husaini et al., 2018).

Masalah persediaan guru dini dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) juga berpunca daripada pengetahuan pedagogi oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran dini berada pada tahap lemah (Zainora Daud et al., 2012). Hal ini kerana majoriti guru dini terdiri daripada mereka yang memiliki tahap pendidikan menengah sahaja seperti lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (Raudhah Siren et al., 2018). Ini menyebabkan persediaan guru dini terhadap KBAT akan terjejas.

Selain itu, masalah ketidaksediaan guru juga berpunca daripada pengetahuan guru agama yang kurang terhadap pelaksanaan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran (Mohd Aderi et al., 2014). Kajian ini disokong oleh Thahir Nuruddin (2016) bahawa tahap kefahaman guru dalam teknik pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) tidak meluas dan hanya berada pada aras pengetahuan sahaja. Ketidaksediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir





aras tinggi (KBAT) juga berpunca daripada pengetahuan pedagogi yang rendah. Manakala dari segi pemahaman dan pengaplikasian kurang dikuasai sepenuhnya (Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, 2017)

Hasil kajian Razali Mustaffar (2003) mendapati kaedah pengajaran yang selalu digunakan oleh guru-guru ini ialah kaedah terjemahan. Kajian ini disokong oleh Rosni Samah (2009), bahawa penggunaan kaedah terjemahan lebih selesa digunakan oleh guru ini kerana subjek ini menggunakan bahasa Arab. Jadi pemilihan kaedah terjemahan digunakan kerana ia merupakan kaedah yang sinonim dalam kalangan guru. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan guru untuk memberi menyampaikan ilmu, bahkan memudahkan murid untuk memahami maksud perkataan bahasan Arab yang menjadi bahasa utama bagi subjek ini. Ini bertentangan dengan kaedah KBAT yang memerlukan penglibatan guru dan murid dalam PdP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014d).

Menurut Khairul (2013), kelemahan utama dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ialah guru tidak memiliki kemahiran pengajaran yang secukupnya. Kajian ini disokong oleh Nooriza Kassim dan Effendi Zakaria (2015) yang menyatakan guru tidak memiliki kemahiran dalam membentuk soalan aras tinggi yang mengandungi unsur aplikasi, analisis, menilai dan mencipta. Kajian Abdullah at. al., (2015) turut mendapati guru tidak dapat membezakan fungsi bagi setiap aras kognitif Taksonomi Bloom. Selain itu, guru ini juga didapati memiliki tahap kemahiran yang rendah dalam mengguna bahan bantu (Zainora Daud et al., 2012; Maimun Aqsha et al., 2014).





Seterusnya, kajian Rosni Samah (2012) menyatakan bahawa kurikulum dini di Sekolah-sekolah Agama Rakyat lebih cenderung menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru kerana terikut dengan pengajaran sistem pondok. Kebiasaannya kaedah ini digunakan dari permulaan hingga tamat pengajaran. Kaedah ini sangat bertentangan dengan pengajaran KBAT kerana KBAT memerlukan pengajaran yang berpusatkan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014d).

Hal ini bertepatan dengan kajian Zainora Daud et al. (2012) dan Maimun Aqsha et al. (2014) iaitu guru-guru dini tidak banyak menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka. Selain itu, guru-guru dini tidak gemar menggunakan bahan yang berorientasikan ICT semasa PdP dan mereka menjadikan buku teks serta nota sebagai bahan utama dalam pengajaran (Rosni Samah 2009; Maimun Aqsha et al., 2014). Implikasi daripada amalan pengajaran seperti ini akan menyebabkan murid tidak kreatif dalam mencari bahan rujukan lain kerana mereka sudah terbiasa dengan bahan yang digunakan guru sahaja (Mansor Daud & Kamarul Kamel, 2003). Ini tidak bersesuaian dengan amalan pengajaran KBAT di mana guru perlu memaksimumkan penggunaan BBM dalam membantu murid menyelesaikan isu-isu atau permasalahan yang timbul dalam PdP.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Aderi (2014) menunjukkan bahawa penggunaan buku teks dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran berada tahap tinggi dan penggunaan kaedah inkuiri oleh guru Pendidikan Islam dalam bilik darjah berada pada tahap sederhana. Kajian ini dikukuhkan lagi dengan kajian Zainora Daud et al. (2012) bahawa pengetahuan guru dini dari segi cara pengajaran berada pada tahap yang rendah.





Tambahan pula, menurut kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011), didapati sebilangan besar guru masih berpegang kepada kaedah pengajaran tradisional seperti bersyarah di dalam bilik darjah. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kamarulzaman et al. (2014), yang mendedahkan bahawa guru sering mengabaikan aspek bahasa ketika mengajar mata pelajaran Fiqh, walaupun mata pelajaran Fiqh memerlukan penggunaan bahasa Arab.

Pemerhatian ini menunjukkan bahawa pendidikan dalam kalangan guru dini khususnya mata pelajaran Fiqh kebanyakannya bercirikan pendekatan pengajaran sehala. Ini berbeza dengan pedagogi yang digunakan dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), di mana interaksi dua hala antara guru dan murid ditekankan. Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam (2017) mendapati guru agama di sekolah tidak menerapkan inovasi teknologi dalam pengajaran kurikulum bersepadu mereka. Pendedahan ini dibuktikan dengan laporan pemantauan dan penyeliaan yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Islam (2017), yang mendapati guru dini hanya bergantung kepada buku teks sebagai alat bantu mengajar.

Kamarul Azmi et al. (2012) mendapati sebanyak 80% guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah kuliah dan syarahan dalam proses pengajaran mereka. Ini bermakna amalan KBAT tidak berlaku dalam proses PdP Pendidikan Islam. Kajian Syaubari Othman dan Yunus Kassim (2017) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam hanya menggunakan proses pengajaran melalui pengumpulan maklumat dan hafalan semata-mata. Perkara ini juga turut berlaku di SAR di mana guru lebih memfokuskan kepada kaedah syarahan, hafalan dan aktiviti berpusat kepada guru





sahaja kerana terpengaruh dengan sistem pendidikan pondok yang berpusatkan kepada guru (Rosni Samah, 2012).

Seterusnya, kajian yang dibuat oleh Noraini (2015) mendapati guru kurang memasukkan unsur-unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam aktiviti penyoalan, penggunaan bahan bantu mengajar dan dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rasid et al., 2016). Bahkan ada juga guru yang tidak kepakaran untuk membina soalan aras tinggi yang mengandungi unsur aplikasi, analisis, menilai dan mencipta (Kassim & Zakaria, 2015). Ini dibuktikan melalui kajian Mohd Nahi Abdullah (2018) bahawa amalan pengajaran yang biasa menjadi amalan guru Pendidikan Islam ialah kaedah konvensional atau kaedah pasif. Ini bermakna pengajaran hanya berpusat kepada guru semata-mata dan penglibatan murid secara aktif tidak berlaku. Tidak terdapat soal jawab antara guru dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan murid. Sedangkan, dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) perlu berlaku pengajaran berpusat kepada murid.

Musliha Salma (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa pengajaran guru yang tidak sistematik dan tidak berkesinambungan dengan murid sebelumnya adalah antara faktor pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Menurut Nor Hisham (2011), kelemahan guru dalam membuat perancangan pengajaran juga termasuk dalam faktor pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) tidak berlaku. Sekiranya guru tidak membuat persediaan yang rapi, ia akan memberi kesan sebagaimana yang dibuktikan dalam kajian Normah (2013) bahawa persediaan guru akan memberi kesan terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam pengajaran.





Seterusnya, terdapat juga masalah untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru-guru dini. Ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Nursafra Mohd Zhaffar et al. (2020) yang berjudul “kekangan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran kurikulum bersepadu dini dan kurikulum bersepadu tahfiz”. Kajian yang dilakukan melalui kaedah temubual ini mendapati terdapat tiga kekangan utama oleh guru-guru yang mengajar kurikulum dini dan kurikulum tahfiz. Kekangan tersebut merangkumi kelemahan guru dalam menguasai bahasa Arab, penguasaan yang tidak mencukupi dalam melaksanakan teknik kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pendedahan yang terhad kepada pendekatan pedagogi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), penguasaan kandungan kurikulum yang tidak mencukupi, dan kekurangan persediaan dalam kalangan murid.



terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) oleh guru dini di Sekolah Agama Rakyat. Pengkaji merasakan bahawa perlunya kepada kajian ini dan ia merupakan satu keperluan dalam bidang Pendidikan Islam untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru dini di Sekolah Agama Rakyat.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), tahap amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran serta keberkesanan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di Sekolah Agama Rakyat.



1.5 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
2. Mengenalpasti tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran guru dini di Sekolah Agama Rakyat.
3. Mengenalpasti cabaran pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru dini.
4. Mengenalpasti perbezaan tahap kesediaan guru dini berdasarkan Demografi.

1.6 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi?
2. Apakah tahap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran guru dini di Sekolah Agama Rakyat?
3. Sejauh manakah cabaran pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan guru dini?

4. Adakah terdapat perbezaan tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berdasarkan demografi?

1.7 Hipotesis Kajian


Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min perbezaan tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berdasarkan jantina.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min perbezaan tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min perbezaan tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berdasarkan tahap pendidikan.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berikut adalah kerangka konseptual yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian. Diadaptasi daripada Model Proses Latihan Wood (1981) dan Model Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010)

Kerangka konsep yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 memberikan gambaran yang jelas mengenai kajian yang akan dijalankan. Kerangka konsep dalam kajian ini dibina untuk melihat perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji. Secara khusus, penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka sejauh mana kesediaan guru dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), serta pelaksanaan sebenar kemahiran tersebut di dalam bilik darjah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti dan memahami cabaran yang dihadapi oleh guru apabila cuba mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ke dalam amalan pengajaran mereka.. Melalui kajian ini juga, pengkaji turut mengkaji



perbezaan tahap kesediaan guru dini dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan demografi.

Pengkaji membina kerangka konsep melalui pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Persediaan dan cabaran pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan pembolehubah bebas. Manakala keberkesanan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan pembolehubah bersandar. Persediaan dan cabaran pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan aspek utama dalam kajian ini. Pengkaji ingin menentukan tahap persediaan, cabaran dan pelaksanaan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru dini di Sekolah Agama Rakyat.



Model Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010). Berdasarkan Model Proses Latihan Wood ini, terdapat tiga fasa iaitu fasa persediaan, pelaksanaan latihan dan penilaian latihan. Tetapi dalam kajian ini, pengkaji hanya mengambil dua fasa sahaja untuk dikaji iaitu fasa persediaan dan fasa pelaksanaan. Dalam fasa persediaan, guru perlu memilih proses pengajaran yang sesuai untuk digunakan serta menetapkan objektif pengajaran

Berdasarkan model Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010) dari aspek pengajaran dan pembelajaran, guru yang berkualiti menitik beratkan aspek persediaan pengajaran dan pembelajaran dari sudut rancangan pengajaran, rancangan aktiviti dan persediaan bahan bantu mengajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009b).





Selain itu, guru perlu merancang aktiviti yang akan dijalankan semasa sesi pengajaran. Fasa pelaksanaan pula, guru melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan memilih kaedah dan latihan yang sesuai. (Wood et al., 1981). Konsep pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi menurut kementerian pendidikan Malaysia di dalam kelas adalah dengan membuat perubahan dari aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Namun untuk kajian ini, pengkaji hanya membuat kajian berkaitan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dari aspek pedagogi dan pentaksiran sahaja. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), pedagogi pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dilakukan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dengan menerapkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi seperti soalan aras tinggi, penggunaan alat berfikir dan kaedah pengajaran inkuiri. Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pula adalah dengan mempelbagaikan soalan-soalan yang berbentuk aras tinggi sama ada dalam peperiksaan pusat mahupun penilaian secara berterusan menerusi Penilaian Berasaskan Bilik Darjah (PBD).

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan respon daripada guru-guru dini di Sekolah Agama Rakyat mengenai amalan pengajaran berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pengkaji merasakan bahawa kajian ini penting kepada pelbagai pihak. Oleh sebab itu, kajian ini perlu dijalankan dengan menggunakan metodologi yang sesuai bagi mendapat maklumat yang tepat.



Melalui kajian ini, pengkaji harap dapat membantu pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) dalam melahirkan guru-guru dini yang berkualiti dalam mendidik murid-murid seiring dengan hasrat PPPM 2015-2025 iaitu melahirkan murid-murid yang berfikiran tinggi.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada guru-guru dini di Sekolah Agama Rakyat dalam menjalankan kaedah pengajaran berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Dengan menggabungkan pendekatan pengajaran yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), guru boleh meningkatkan kepelbagaian kaedah pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Ini seterusnya dapat memupuk rasa penglibatan dan semangat yang lebih tinggi dalam kalangan murid, akhirnya membawa kepada peningkatan pengetahuan mereka secara tidak langsung dalam mata pelajaran dini.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri Kedah sahaja. Pengkaji memilih 17 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat di setiap daerah dalam negeri Kedah yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK).

Kajian ini adalah untuk melihat tahap kesediaan dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru-guru dini di Sekolah Menengah Agama Rakyat di Negeri Kedah serta cabaran yang dihadapi oleh guru dini dalam

mengintegrasikan pengajaran berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 30 orang guru yang mengajar mata pelajaran dini di Sekolah Menengah Agama Rakyat.

Pemilihan sampel ini terbuka kepada guru-guru dini lelaki dan perempuan. Pengkaji tidak menetapkan pengalaman mengajar bagi guru-guru dan terbuka kepada semua guru yang mengajar kurikulum dini dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5.

1.11 Definisi Operasi Kajian

Definisi operasi dikemukakan untuk menjelaskan beberapa istilah yang terdapat pada tajuk kajian. Antara istilah tersebut ialah:

a. Pengajaran

Pengajaran merangkumi proses dinamik dan pelbagai aspek yang melibatkan dua hala antara guru dan murid. Proses ini merangkumi aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas seperti yang diketengahkan oleh Shabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2007). Selain itu, Mok Soon Sang (2000) berpendapat bahawa pengajaran bukan sahaja terhad kepada komunikasi, tetapi juga merangkumi unsur-unsur sains dan seni. Di samping itu, pengajaran juga merangkumi penggunaan kaedah, strategi dan pendekatan yang pelbagai untuk menyampaikan kandungan kurikulum secara berkesan (Noraini & Shauki, 2009). Secara ringkasnya, pengajaran adalah satu proses kompleks yang memerlukan integrasi perancangan, komunikasi dan teknik pengajaran untuk memudahkan pengalaman pembelajaran yang berkesan untuk murid.



b. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2014. Kemahiran berfikir adalah keupayaan seseorang dalam menyelesaikan masalah dengan akal. Menurut Fraenkel (1980), berfikir adalah perkembangan idea berdasarkan pengalaman peribadi dan pengetahuan yang diperoleh yang akhirnya membentuk satu persepsi dan pemahaman tentang sesuatu perkara.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) memerlukan seseorang berfikir secara kreatif dan kritis untuk mendapat jawapan. Untuk melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran, seorang guru perlu mempunyai pengetahuan tentang kerangka kerja, model, tahap taksonomi dan kemahiran berfikir (Rajendran, 2010).



c. Guru dini

Guru dini bermaksud tenaga pengajar yang mengajar kurikulum dini di Sekolah Agama Rakyat. Guru dini memegang tanggungjawab penting untuk menyelia beberapa mata pelajaran seperti al-Syariah, Usul al- Din, Feqah dan Al-Lughah al- Arabiah al- Muasirah.

d. Persediaan

Persediaan ialah kelengkapan yang dibuat seseorang untuk melaksanakan tindakan selanjutnya. Menurut Fakhri Abdul dan Mohd Isha (2016), kesediaan berdasarkan kepada perancangan, kemahiran kognitif dan latihan yang dibuat sebelum melaksanakan sesuatu. Dalam konteks kajian ini, persediaan ini merujuk kepada





persediaan guru dari aspek perancangan pengajaran, perancangan aktiviti dan pemilihan bahan bantu mengajar.

1.12 Penutup

Secara kesimpulannya, bab ini memberi penerangan awal mengenai kajian yang akan dijalankan. Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan mengenai isu dan permasalahan kajian agar dapat memberi gambaran yang jelas mengapa kajian ini perlu untuk dilakukan. Pengkaji akan menghuraikan kajian literatur dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya.

